



● BIL 98 ● 10 - 13 FEBRUARI 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) SEBARAN UMUM

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f WilayahKu

@akhbarwilayahku

WilayahKu

WK TV

Mohon lesen minuman keras baharu sebelum 18 Februari - DBKL

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Wilayah Persekutuan bagi minuman yang memabukkan akan diadakan pada Khamis, 18 Februari ini.

Justeru, semua permohonan lesen baharu, pindah milik atau pindah tempat bagi tempoh 1

April 2021 hingga 31 Mac 2022 hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan (empat salinan) dan dihantar kepada Pengurus Lembaga Pelesenan Eksais Wilayah Persekutuan di alamat Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan DBKL sebelum 18 Februari.



"Permohonan untuk lesen baharu hendaklah diiklan atas perbelanjaan pemohon itu sendiri yang mana dengan menampal Notis Pemberitahuan Permohonan Lesen Minuman Keras di pintu masuk dan mudah dilihat di bangunan atau lokasi di mana perniagaan itu dicadangkan.

"Ia mesti dijalankan selama tujuh hari berturut-turut sebelum permohonan dihantar ke jabatan yang disebutkan," katanya dalam satu kenyataan.

DBKL turut menyatakan, permohonan itu perlu diiklankan dalam empat surat khabar tempatan selamat tiga hari berturut-turut dan keratan iklan

tersebut hendaklah dihantar bersama.

Dalam pada itu, katanya, bagi permohonan untuk pembaharuan lesen yang sedia ada, borang hendaklah diserahkan tidak lewat dari empat minggu sebelum tarikh luputnya lesen.

Tegas DBKL, permohonan yang lewat tidak akan dilayan. **WK**

Tahun Baru Cina Ah Lek lebih bererti Terima Kasih

SUNGGUHPUN sambutan Tahun Baru Cina tahun ini tidak dapat diraikan besar-besaran dan meriah, namun bagi Khoo Ah Lek perayaan itu membawa sejuta kemanisan dalam hidupnya apabila penantian mendapatkan lesen perniagaan selama 22 tahun, berakhir.

Menurut warga emas berusia 66 tahun itu, dia menerima lesen perniagaan sementara selepas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meluluskan permohonan yang dibuatnya pada Disember lepas.

"Saya rasa bersyukur kerana dapat menjalankan perniagaan dengan tenang tanpa perlu rasa khuatir dan takut disaman pihak berkuasa.

"Sebelum ini, saya telah memohon lesen perniagaan sebanyak tiga kali tetapi mereka tidak meluluskannya kerana kawasan yang diduduki tidak sesuai untuk aktiviti penjajaan," katanya yang bakal menyambut perayaan Tahun Baru Cina bersama empat anak secara sederhana.

BERSAMBUNG DI MUKA 2



Program
MYMedic@
Wilayah
bermula di
Batu >>4



Binaan tambahan
undang padah
>>5



Pada Wilayah
ditumpahkan bakti >>8

39 penjaja terharu terima lesen niaga

SYUKUR... Seramai 39 penjaja di sekitar Jalan Tengah Bukit Bintang, Kuala Lumpur menzahirkan rasa gembira dan terharu selepas menerima lesen penjajaan sementara daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Lebih menggembirakan apabila lesen tersebut diserahkan sendiri oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang hadir meninjau keadaan semasa penjajaan di situ, pada Isnin.

Peluang menjaja yang diberikan Kementerian Wilayah Persekutuan amat membantu khususnya mereka yang tiba-tiba kehilangan punca pendapatan serta kelompok B40. **WK**



ANNUAR menyerahterahkan sendiri lesen niaga sementara kepada penjaja.



SALAH seorang penjaja menunjukkan lesen niaga sementara yang diterimanya.

Dengan lesen niaga, tidak harap bantuan kerajaan semata-mata

Mampu berdiri sendiri - Ah Lek

DARI MUKA DEPAN

AZLAN ZAMBRY

PERNAH berhadapan dengan pelbagai cabaran ketika menjalankan aktiviti penjajaan di sekitar Kuala Lumpur, Khoo Ah Lek akhirnya menarik nafas lega kerana sudah memiliki lesen perniagaan sementara untuk tempoh enam bulan.

Ini kerana, katanya, sepanjang tempoh tidak memiliki lesen, gerai yang didirikan juga pernah tiga kali dirobohkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana tapak yang diduduki dahulu adalah milik syarikat swasta.

"Disebabkan itu, kami berpendah ke tapak sekarang dan berjaya mendapatkan lesen niaga sementara," katanya kepada *Wilayahku*. Menceritakan perjalanan



AH LEK

hidupnya, Ah Lek berkata, dia berhijrah dari Muar, Johor sejak 40 tahun lalu dan menjaja buah-buahan di Jalan Desa Utama berhampiran Taman Desa, Kuala Lumpur untuk menyara keluarga.

Oleh itu, katanya, kelulusan lesen perniagaan sementara yang diterimanya pada Disember 2020 adalah hadiah bermakna sempena Tahun Baru Cina yang bakal diraikan pada 12 Februari nanti.

"Dengan adanya lesen itu, saya lebih bersemangat untuk terus bermiaga tanpa perlu mengharapkan bantuan daripada kerajaan bagi meneruskan kehidupan," katanya yang memperoleh pendapatan sebanyak RM120 sehari.

Dalam pada itu, Ah Lek turut menaruh harapan yang tinggi agar pihak DBKL dapat memberikan kelulusan permohonan lesen tetap memandangkan dia

sudah lama bermiaga di kawasan tersebut.

"Lesen yang diberikan ini adalah sementara dan dalam tempoh enam bulan sahaja. Selepas itu, ia tertakluk kepada budi bicara DBKL.

"Sekiranya boleh, saya memohon agar dapat diberikan lesen tetap seperti peniaga lain untuk memudahkan aktiviti penjajaan pada masa depan khususnya selepas lesen sementara ini tamat tempoh," katanya yang menjalankan perniagaan dengan bantuan dua orang anaknya.

Menyentuh mengenai sambutan Tahun Baru Cina, Ah Lek berkata, dia mempunyai empat orang anak dan hanya membuat sedikit persiapan kerana keadaan negara yang masih lagi belum pulih dengan ancaman COVID-19.

"Setakat ini kami hanya membuat persiapan yang sederhana dan perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh kerajaan," katanya. **WK**



JUALAN buah-buahan di gerai Ah Lek mendapat sambutan menggalakkan ketika musim Tahun Baru Cina.

19 individu dilantik anggota Jawatankuasa Khas Bebas Darurat 2021 - Pejabat Perdana Menteri

SERAMAI 19 individu dilantik menganggotai Jawatankuasa Khas Bebas Darurat 2021 yang dipengerusikan bekas ketua hakim negara Tun Arifin Zakaria, berkuat kuasa serta merta.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan memaklumkan, pelantikan itu telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayattuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Mereka yang dilantik adalah

bekas ketua setiausaha negara Tan Sri Samsudin Osman; bekas ketua polis negara Tan Sri Norian Mai; bekas panglima angkatan tentera Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin; bekas ketua pengarah kesihatan Prof Tan Sri Dr Mohamad Taha Arif dan bekas pakar bedah jantung Tan Sri Dr Yahya Awang.

Turut menganggotai jawatankuasa itu Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia Tan

Sri Ter Leong Yap; Pro-Canselor Universiti Cyberjaya Tan Sri Dr R Palan, bekas timbalan pendakwaraya Pejabat Peguam Negara Datuk Sallehuddin Saidin, Mufti Perlis Prof Madya Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin, dan pakar kesihatan awam Prof Datuk Dr Andrew Kiyu Dawi Usop.

Selain itu juga dilantik bekas setiausaha kerajaan negeri Sabah Tan Sri Sukarti Wakiman; Ahli Parlimen Tanjung Karang Tan Sri Noh Omar; Ahli Parlimen

Batang Lutar Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan Ahli Parlimen Beaufort Datuk Azizah Mohd Dun.

Ahli Parlimen Pasir Putih Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh; Ahli Parlimen Kulim-Bandar Baharu Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Ahli Parlimen Seremban Anthony Loke Siew Fook serta Ahli Parlimen Kuala Selangor Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad turut tersenarai dalam jawatankuasa berkenaan.

Pejabat Perdana Menteri berkata jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Seksyen 2 Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 itu berperanan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong tentang kewujudan berterusan darurat besar di Malaysia dan penamatannya.

Sementara Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri pula akan berperanan sebagai urus setia jawatankuasa ini.

- BERNAMA

Pertambahan bermula 18 Februari susulan sambutan menggalakkan 15 laluan baharu bas perantara LRT merah jambu

RAPID Bus Sdn Bhd, anak syarikat Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) akan memperluas perkhidmatan Bas Perantara LRT berwarna merah jambu kepada 15 laluan tambahan bermula 18 Februari ini, berikutan sambutan menggalakkan daripada pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Bus, Muhammad Yazurin Sallij berkata, inisiatif tersebut adalah kesinambungan kepada projek perintis pada 3 Sept tahun lepas melibatkan penambahbaikan perkhidmatan Bas Perantara LRT di sepanjang 10 laluan sedia ada antaranya ke Stesen LRT Gombak, Taman Melati dan Sri Rampai.

Beliau berkata pihaknya menerima maklum balas positif menerusi program tersebut dengan 81 peratus daripada 1,000 responden menyatakan mutu perkhidmatan telah meningkat seperti lebih senang dikenal pasti, pematuhan

jadual, kekerapan dan ketersediaan bas.

“Ia adalah sebahagian daripada usaha berterusan pihak kami untuk meningkatkan mutu perkhidmatan. Dengan penampilan baharu ini, kami mendapati bahawa pelanggan dan orang ramai lebih senang membezakan di antara bas Perantara LRT dan bas Rapid KL biasa,” katanya dalam kenyataan pada Selasas.

Muhammad Yazurin berkata hasil kaji selidik yang dijalankan bulan lepas itu juga mendapat 92 peratus responden mengesyorkan perkhidmatan tersebut kepada orang ramai.

Sehubungan itu, Rapid Bus akan membahagikan pelaksanaannya kepada beberapa peringkat yang akan melibatkan penyusunan semula operasi bas, penjadualan dan kekerapan menurut permintaan bagi perluasan perkhidmatan bas Perantara LRT berwajah baharu ini, katanya. **WK**



BAS perantara LRT memberi keselesaan kepada pengguna dan lebih efisyen.

Berikut adalah 15 laluan baharu Bas Perantara LRT:

1. T180 Taman Dato' Senu - LRT Sentul
2. 822 LRT Bangsar - Bangsar Shopping Centre
3. 541 Putra Permai - LRT BK 5
4. T603 LRT Puchong Prima - Taman Mas Sepang
5. T640 Stesen LRT Taman Jaya - Taman Sri Sentosa
6. T600 Stesen LRT IOI Puchong - Taman Wawasan
7. T757 Stesen LRT Alam Megah - Sek 27 Shah Alam
8. T778 Stesen LRT USJ 21 - One City
9. T781 Stesen LRT Kelana Jaya - Kelana Centre Point
10. T782 Stesen LRT Lembah Subang - Ara Damansara
11. T783 LRT Taman Bahagia - SS 6
12. T785 LRT Taman Paramount - Kg Baiduri
13. T786 LRT Asia Jaya - Universiti Mahsa
14. T787 Stesen LRT Asia Jaya - Seksyen 14 & 17
15. T791 Stesen LRT Kerinchi - Pantai Hill Park

Peluang jadi sukarelawan kajian klinikal fasa 3 vaksin COVID-19 masih terbuka - KKM

PELUANG untuk menjadi sukarelawan dalam kajian klinikal fasa 3 vaksin COVID-19 masih terbuka, menurut Kementerian Kesihatan (KKM).

Dalam satu hantaran menerusi laman Twitter rasmi KKM, kementerian itu memaklumkan antara syarat yang diletakkan adalah pemohon perlu berusia 18 tahun ke atas dan sihat.

Mereka yang berminat dan mahukan maklumat lanjut boleh menghubungi antara sembilan hospital yang menjadi tapak kajian tersebut menerusi aplikasi WhatsApp iaitu Hospital Ampang, Selangor (016-7286617 dan Telegram); Hospital Umum Sarawak, Sarawak (012-3108108); Hospital Pulau Pinang, Pulau Pinang (014-9453599) dan Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang (014-9065518).

Selain itu, boleh juga menghubungi Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah (019-5544976); Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak (011-63311654); Hospital Taiping, Perak (019-8546373); Hospital Sungai Buloh, Selangor (011-10045343) dan Hospital Sultan Abdul Halim, Kedah (017-7931938, 017-7931987, 011-57669114).

Rata-rata maklum balas yang diterima Bernama apabila menghubungi talian-talian tersebut adalah borang perlu diisi secara dalam talian ataupun secara terus menerusi aplika-



SUKARELAWAN kajian klinikal fasa 3 vaksin COVID-19 masih terbuka.

si WhatsApp sambil memberi pautan untuk maklumat lanjut, sebelum mereka mengambil tindakan seterusnya dan menghubungi pemohon.

Bagaimanapun, setakat ini tapak kajian di Hospital Ampang sudah mempunyai sukarelawan yang mencukupi, namun pihak terabit memberi pautan untuk mengisi borang secara dalam talian bagi membolehkan mereka yang berminat dalam percubaan vaksin pada masa hadapan.

Pada 27 Jan, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dalam satu kenyataan berkata, kajian klinikal

fasa 3 vaksin COVID-19 dimulakan pada hari tersebut di sembilan hospital berkenaan melibatkan 3,000 sukarelawan.

Beliau berkata kajian klinikal itu ditaja oleh Institut Biologi Perubatan Akademik Sains Perubatan China (IMBCAMS) dengan objektif untuk menilai keselamatan dan keberkesanan vaksin terhadap jangkitan COVID-19.

Sembilan hospital yang terlibat dalam percubaan klinikal itu adalah di bawah penyelarasan Institut Penyelidikan Klinikal (ICR). **- BERNAMA**

Planetmahir tawar langganan percuma kepada anak ‘frontliners’ hadapi SPM

PLANETMAHIR mewarkan langganan kelas digital MAHIR Tutor secara percuma kepada anak-anak petugas barisan hadapan yang akan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 22 Februari ini.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Ahmad Ramzi Mohamad Zubir dalam kenyataan berkata, ia adalah sebagai sumbangan untuk menghargai jasa petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus memastikan rakyat terpelihara daripada wabak virus yang berbahaya ini.

Subjek SPM yang ditawarkan ialah Bahasa Melayu,

Bahasa Inggeris, Matematik,

Sejarah, Pendidikan Islam, Sains, Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan. MAHIR Tutor kini mempunyai seramai lebih 20,000 pelajar yang mengikutiinya di seluruh negara.

Pelajar yang ingin mengikuti kelas tuisyen dalam talian percuma tersebut boleh melayari laman web planetmahir.com atau menghubungi Planetmahir di talian 011 2354 3133.

- BERNAMA

Inisiatif KWP bangunkan Madrasah Bustanul Ulum

AFIFAH AFIZAL

PEMBANGUNAN semula Madrasah Bustanul Ulum Taman Tugu yang terletak di Jalan Sultan Salahudin, Kuala Lumpur, siap sepenuhnya pada Disember 2020 dan bakal menjadi salah satu kawasan tumpuan untuk beribadah.

Pembangunan semula itu mula dilaksanakan pada suku tahun kedua 2017 dan siap sepenuhnya pada tahun lalu di lokasi yang lebih strategik untuk kunjungan ramai.

"Kemudahan baru ini akan memberikan keselesaan di mana ia mampu menempatkan lebih 1,000 orang jemaah dalam satu masa.

"Madrasah ini juga akan mempunyai tiga unit kuiters untuk kegunaan pengurusan madrasah," kata Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TRR Annuar Musa dalam satu kenyataan.



MENTERI Wilayah Persekutuan Tan Sri TRR Annuar Musa merasmikan bangunan surau Madrasah Bustanul Ulum Taman Tugu Jumaat lalu.

Selain itu, gerai-gerai makanan turut dibina dalam kawasan surau untuk kemudahan pengunjung di madrasah ini.

Beliau turut berkata, kos pembinaan surau ini adalah melalui sebuah peruntukan yang telah disediakan melalui

Dana Mudah Cara daripada Unit Kerjasama Swasta Awam (UKAS) dan sumbangan dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Diharap madrasah ini dapat digunakan oleh warga kota dan pengunjung di kawasan ini," ujar beliau lagi.

"Malah terdapat gerai-gerai makanan turut dibina dalam kawasan surau ini. Kos pembinaan surau ini adalah melalui peruntukan yang telah disediakan melalui Dana Mudah Cara daripada Unit Kerjasama Swasta Awam (UKAS) dan sumbangan dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur," katanya.

Terdahulu, Annuar memaklumkan projek Taman Tugu merupakan pemuliharaan dan pemeliharaan hutan semula jadi.

Ia dilaksanakan atas tanah hutan semula jadi seluas 66 ekar yang terletak berhampiran kawasan Taman Tugu, yang digelar sebagai 'green lung' di ibu kota.

Ia mampu menyediakan ruang untuk aktiviti penjagaan alam sekitar terutamanya pendidikan biodiversiti kepada golongan muda dan tumpuan rekreasi kepada warga kota. WK

Program MYMedic@Wilayah bermula di Batu

MULAI 7 Februari lalu, masyarakat di kawasan Batu sudah boleh menikmati perkhidmatan MYMedic@Wilayah iaitu klinik bergerak secara percuma hasil inisiatif bersama agensi kerajaan dan swasta.

Kemudahan ditawarkan melalui kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Mahamas, mula menyediakan Khidmat Klinik Bergerak Percuma di PPR Pekan Batu.

Ahli Lembaga Penasihat DBKL juga Pesuruhjaya PAS Wilayah Persekutuan, Ustaz Azhar Yahya, turut meluangkan masa meninjau lokasi terbabit bagi memahami pengoperasian dan situasi Klinik Bergerak yang disediakan.

Selain itu, Ustaz Azhar yang telah berada di lokasi seawal 9.00 pagi itu, turut menjadi orang pertama mencuba kemudahan kesihatan secara percuma yang disediakan sambil mendapat khidmat nasihat pegawai bertugas, Dr Shamimi dari Mahamas.

Mengulas mengenai, Ustaz Azhar berkata, antara objektif utama dan sasaran pelaksanaan program ialah menyediakan akses kesihatan dan rawatan percuma untuk pesakit ringan antaranya sel-sema batuk, sakit perut serta rawatan kecemasan dan kecederaan ringan.

"Perkhidmatan Klinik Bergerak Percuma ini telah disedia khusus bagi penduduk di sekitar kawasan Batu ini.

"Selain KWP, DBKL dan pengendali swasta iaitu Mahamas, program ini turut melibatkan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Zon Batu sebagai antara inisiatif menyantuni rakyat di kawasan setempat yang mungkin memerlukan," katanya selepas selesai sesi lawatan.

Sementara itu, penduduk setempat yang layak juga boleh mendapat perkhidmatan secara terus dan percuma bagi memeriksakan kesihatan, rawatan ringan dan khidmat nasihat berkaitan kesihatan.

Kemudahan yang disedia-



USTAZ Azhar (dua dari kanan) menjadi antara peserta pertama yang mendapat kemudahan rawatan yang ditawarkan secara percuma melalui Perkhidmatan MYMedic@Wilayah di kawasan Batu.

kan boleh didapati pada hari Ahad minggu pertama dan keempat setiap bulan dengan lokasinya tertumpu di penempatan PPR di kawasan Parlimen Batu.

Secara keseluruhan, Ustaz Azhar menyifatkan kemudahan disediakan sebagai suatu gerak kerja terbaik yang benar selari slogan Wilayah Prihatin apabila memberikan

perkhidmatan secara terus kepada rakyat demi kebaikan mereka.

"Terima kasih Dr. Shamimi dari Mahamas di atas nasihat dan konsultasi diberikan. Sungguh, saya terharu melihat kesungguhan barisan doktor dan petugas kesihatan. Terima kasih para frontliner di atas jasa, kalian adalah hero negara," katanya. WK

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR
Azlan Abdul Aziz

PENGARANG KANAN
Helme Hanafi

PENOLONG PENGARANG
Nazwin Izzan Ahmad Nazri

WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby
Aini Roshidah Ahmad Mawawi

WARTAWAN

Khairul Idin
Wong Siew Mun
Deel Anjer
Syahidi Bakar

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
Mohd Affandy Annuar
Mohd Fadly Bharudin
Taufik Mohd Pauze

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
Mohd Aminullah Farid Hasan
Azly Fariq Ramly

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
V Kumar Veeran

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
Jumaitul Lailiy Zakiah Ismail
Nurul Hazwani Haslan

PELATIH INDUSTRI

Afifah Afizal

RINGKASAN BERITA

30 PPR nikmati WiFi percuma Celcom untuk PdPR

PELAJAR daripada golongan B40 dari 30 Program Perumahan Rakyat (PPR) di sembilan negeri akan dapat menikmati WiFi percuma di bawah perkhidmatan Celcom Home Wireless untuk sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) hingga 30 April ini berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Celcom Axia Berhad (Celcom) dalam kenyataan hari ini memaklumkan program itu menyasarkan pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang tinggal di PPR di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Sabah.

"Perkhidmatan itu membolehkan pengguna data tanpa had untuk aplikasi pembelajaran dan sesi bilik darjah dalam talian menerusi aplikasi seperti Microsoft Teams, Zoom, Google Meet, Google Classroom dan Webex," menurut kenyataan itu.

Syarikat korporat sumbang 500 bakul makanan

SUBARU Kepong menerusi inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) di bawah kendalian Robust Synergy Sdn Bhd menyasarkan dapat membantu 500 keluarga asnaf melalui pemberian bakul makanan atas sepanjang bulan ini.

Pengarah Eksekutifnya, Datuk Kaiwen Chong berkata, menyedari impak Covid-19 yang memberi kesan kepada setiap lapisan masyarakat, pihaknya berusaha meringankan beban ditanggung golongan terkesan.

"Kita lihat di media sosial, ramai terkesan antaranya mereka dipotong gaji dan dibuang kerja akibat syarikat tidak dapat lagi beroperasi.

"Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk meneruskan kehidupan dan kami berharap inisiatif ini dapat memberi sedikit keleegan," katanya ketika pemberian bakul makanan kepada asnaf di Kepong.



Sumbangan bantuan COVID-19

PROGRAM Penyerahan Sumbangan Bantuan kepada anggota Sukarelawan Pertahanan Awam Wilayah Persekutuan yang terkesan COVID-19 berupa paket barang keperluan makanan harian daripada Kol. Bersekutu (PA) CEO Yayasan Ihsan Rakyat Datuk Hjh. Rozzana binti Dato Hj. Rahmat yang disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Wilayah Persekutuan Lt. Kol. (PA) Mohd Zahri bin Abdul Aziz Jumaat lalu.

Sumbangan MYBeras@Wilayah lebih RM910,000 - YWP

SEJAK dilancarkan, M Y Beras@ Wilayah mendapat perhatian masyarakat sama ada kelompok pemohon mahupun penyumbang.

Malah sehingga 8 Februari lalu, sejumlah RM912,500 berjaya dikumpulkan hasil daripada perniagaan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan sumbangan peribadi Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Turut menyumbang adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), badan korporat ser-



ta individu prihatin.

YWP juga merekodkan sejumlah RM1,341 sumbangan yang disalurkan melalui portal penyumbang MYBeras dan MYFood, <http://yayasanwp.org.my/myberas-penyumbang>.

Untuk makluman, portal penyumbang yang dikendalikan YWP itu, terbuka kepada orang ramai.

Manakala, pemohon yang ingin mendapatkan bantuan boleh menghubungi Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP).



PORTAL penyumbang yang dikendalikan YWP memudahkan saluran bantuan secara dalam talian.

Parlimen masing-masing.

Kaedah itu juga membolehkan bantuan diberikan

secara menyeluruh sekali gus mengelakkan keciciran kepada mereka yang layak. **WK**



SENARAI PENGERUSI MPPWP DI SETIAP PARLIMEN

Pengerusi MPPWP Zon Setiawangsa - Yusaini Bin Amir **012-3397450**

Pengerusi MPPWP Zon Titiwangsa - Datuk Azizulrahman Bin Mohd Hussain Malim **019-2290470**

Pengerusi MPPWP Zon Seputeh - Chan Quin Er **012-2077017**

Pengerusi MPPWP Zon Cheras - Datuk Mahadi Bin Abd Shukor **012-4755700/019-3912649**

Pengerusi MPPWP Zon Segambut - Datuk Daniel Ling Sia Chin **012-2020696**

Pengerusi MPPWP Zon Wangsa Maju - Datuk Hamdan Bin Mohd Yusoff **019-2884161**

Pengerusi MPPWP Zon Lembah Pantai - Tengku Zuhri Bin Tengku

Abdul Aziz **012-6531977**

Pengerusi MPPWP Zon Kepong - Fong Kah Wei **012-3368764**

Pengerusi MPPWP Zon Bandar Tun Razak - Mohd Shahni Bin Ismail **019-3839677**

Pengerusi MPPWP Zon Batu - Gulam Muszaffar Bin Gulam Mustakim **019-2510880**

Pengerusi MPPWP Zon Bukit Bintang - Phang Boon Chai **012-2343771**

Pengerusi MPPWP Zon Putrajaya - Datuk Shokri Bin Shafee **019-6633602**

Pengerusi MPPWP Zon Labuan - Mohd Dzulfaizal Bin Ab Manan **016-5559539**

Penduduk tidak endah peraturan kerajaan, denda lebih RM50,000

Binaan tambahan undang undang padah

NAZWIN NAZRI



UBAH suai ban- gunan mahupun pembinaan struktur mesti mendapat kebenaran bertulis daripada pihak berkua tempatan (PBT).

Ini kerana, Subseksyen 70 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133) menetapkan bahawa, tiada seorang pun boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada PBT.

Sekiranya disabitkan kesalahan, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pesalah juga boleh didenda tambahan sebanyak RM1,000 bagi tiap-tiap hari kesalahan

itu diteruskan selepas sabitan menerusi Subseksyen 70 (13) Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133).

Malah, pembinaan struktur yang dilakukan se-wenang-wenangnya itu boleh mengundang padah sekiranya berlaku kebakaran berikutnya, laluan untuk menyelamatkan diri terhalang.

Bagaimanapun, undang-undang yang ditetapkan itu seolah-olah tidak memberi kesan kepada sebilangan 'orang kaya' yang hanya mementingkan kesempurnaan diri sendiri.

Menurut pengadu yang tinggal di Taman Sri Sinar, jirannya bukan hanya membina penghadang, malah



DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa komited dalam menguatkuasakan undang-undang yang ditetapkan termasuk merobohkan struktur binaan haram. - Gambar hiasan

turut meletakkan pasu bunga dan tong sampah di kawasan persempadanan rumahnya.

Ujarnya, keadaan itu

menyukarkan pergerakan kenderaan yang ingin keluar dan masuk ke perkaran rumahnya.

"Lokasi nombor 34 Jalan 34a/38a Taman Sri Sinar Kuala Lumpur," adunya menerusi saluran PERTIWI.

Keadaan sama turut berlaku di Pantai Indah Fasa 2, Pantai Dalam, Kuala Lumpur, apabila satu struktur bangunan haram didirikan di tanah lapang di hadapannya.

Menurut penduduk se-tempat yang juga ahli jawatankuasa persatuan penduduk, lokasi tersebut adalah tanah lapang yang disediakan untuk menampung parkir kereta sementara.

"Lokasi itu adalah parkir sementara untuk penduduk Pantai Indah Fasa 1 dan Fasa 2.

"Kini telah dijadikan hak milik kegunaan individu. Saya memohon kerjasama dari pihak berwajib untuk

memantau pembinaan haram bagi kegunaan individu berkenaan," katanya.

Dia turut mendakwa, pembinaan yang dilakukan itu juga mengakibatkan parkir kereta

sedia ada tidak dapat menampung kapasiti kendaraan penduduk pada waktu malam.

WK

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DALAM E-PAPER

Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN (E-PAPER)

FULL PAGE		RM500
HARD PAGE		RM300
QUARTER PAGE		RM200
PANEL PAGE		RM200
[INNER]		
		RM10

KADAR HARGA IKLAN (PORTAL ONLINE)

FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000
MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500

Wilayah Ku



DITERBITKAN 2 KALI SEMINGGU

MENCAPAI 200,000 PEMBACA SETIAP EDISI

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:
012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)
Pengurusan Pengiklanan
011-1069 2962 (ZUHAIRI)
Eksekutif Jualan dan Pemasaran
03-8861 5260 (PEJABAT)
Alamat:
Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin

BERSEMPENA dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021 yang ke-17, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin".

Sebagai hamba Allah SWT yang beriman kita seharusnya menzahirkan kesyukuran di atas nikmat keamanan dan kesejahteraan yang dapat kita rasai di negara ini khususnya di Wilayah Persekutuan.

Sesungguhnya kesyukuran yang kita zahirkan dapat mengundang pemeliharaan Allah SWT ke atas negeri yang kita cintai ini dan mengurniakan pelbagai nikmat yang berterusan daripada-Nya.

Sebaliknya, sekiranya kita mengkufuri nikmat-nikmat tersebut, tentulah ianya akan mengundang kemurkaan daripada Allah SWT. Renungilah peringatan Allah SWT di dalam surah Ibrahim, ayat 7 yang bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya, jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras".

Sememangnya Wilayah Persekutuan adalah negeri yang maju dan pesat membangun dalam pelbagai sektor.

Namun, di sebalik kemajuan yang dikecapi ini, masih ada dalam kalangan masyarakat kita yang menghadapi kesempitan hidup dalam memenuhi keperluan nafkah isteri dan anak-anak.

Justeru, melihat kepada situasi mereka yang kurang berkemampuan ini, apa lagi di saat ramai yang terkesan dengan pandemik COVID-19, kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa prihatin dan bersedia menghulurkan bantuan bagi meringankan beban hidup mereka yang terjejas antaranya melalui Inisiatif Wilayah Cakna.

Ia meliputi 51 inisiatif utama melibatkan 370,854 orang penerima manfaat yang terdiri daripada golongan B40, asnaf dan berpendapatan rendah, peniaga dan penjaja berlesen, penghuni rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam DBKL, komuniti, atlet, jurulatih dan gelandangan.

Kementerian Wilayah Persekutuan juga turut memperkenalkan program pasar bergerak di kawasan-kawasan perumahan kos rendah awam dan swasta melalui penjualan barang



MENTERI Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa bersama Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri bersembayang Jumaat di Madrasah Bunyanul Ulum 5 Februari lalu.

basah dan keperluan harian yang lebih murah daripada harga di pasar awam.

Melihat kepada keperluan pekerjaan kepada masyarakat, kerajaan telah membuka ratusan peluang pekerjaan yang memberi manfaat kepada warga kota yang kehilangan pekerjaan atau diberhentikan kerja kerana pandemik COVID-19.

Dalam memastikan perkhidmatan rawatan kesihatan asas dapat diberikan kepada mereka yang kurang berkemampuan, perkhidmatan klinik bergerak disediakan di kawasan-kawasan perumahan kos rendah.

Selain itu, kerajaan juga menyediakan bantuan keperluan harian kepada golongan miskin bandar dengan pemberian buluk makanan.

Manakala dalam aspek pendidikan pula, kerajaan menyediakan pengangkutan percuma ke sekolah yang memberi manfaat kepada para pelajar di kawasan perumahan awam kos rendah sekali gus meringankan beban ibu bapa bagi golongan B40 dan M40.

Bukan sekadar itu sahaja, warga Wilayah Persekutuan termasuk usahawan muda serta para gelandangan turut mendapat manfaat menerusi Inisiatif

Wilayah Bebas Berniaga (WIBB), Program Usahawan Anak Muda serta inisiatif penempatan kerjaya gelandangan.

Dalam hal tuju baharu tahun 2021, Kementerian akan memberi tumpuan kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih berfokus dan

berkesan, cekap, cakna rakyat, telus dan berintegriti dengan struktur yang lebih mantap menuju tiga matlamat utama iaitu melipatgandakan usaha demi kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan, memperkasa komuniti dan merancakkan pembangunan sosioekonomi di Wilayah Persekutuan.

Dalam pada itu, pelbagai agensi di Wilayah Persekutuan termasuk Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan turut memainkan peranan dalam membantu Kementerian Wilayah Persekutuan memakmurkan negeri



ZULKIFLI membacakan khutab khas sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan baru-baru ini.

Wilayah Persekutuan.

Hindarkanlah segala perbuatan yang boleh mencetuskan kekacauan dan pergolakan yang boleh menggugat kestabilan politik, ekonomi dan sosial di bumi bertuah ini.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita berdoa agar Allah SWT menghapuskan wabak COVID-19, mengurniakan keselamatan dan melepaskan kita daripada musibah ini.

Hayatilah firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah, ayat 126:

Bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan! Jadikanlah (negeri Makkah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman: " (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga dia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali".

NOTA: Petikan Khutbah Jumaat yang disampaikan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri di Madrasah Bustanul Ulum, Taman Tugu, Kuala Lumpur pada 5 Februari lalu.



Dapatkan e-Paper percuma **Wilayah Ku**
Whatsapp ke nombor 011-5958 7489

Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Masalah gelandangan bila berakhir?

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu operasi pada 23 Januari berjaya mengesan dan menyelamatkan 140 gelandangan.

Tetapi pada Adi ini bukan sesuatu yang menggembira atau membanggakan.

Ini kerana bagi Adi ia melambangkan masalah berterusan gelandangan di ibu negara.

Tahun lalu DBKL menyelamatkan 864 gelandangan yang berkeliaran di sekitar ibu negara. Sebahagian daripadanya sudah pun beroleh pekerjaan dengan pendapatan sehingga RM1,400 sebulan.

Ini berita menggembirakan. Namun operasi akhir bulan lalu itu Adi anggap sesuatu yang menghamparkan.

Di sebalik bantuan yang diberi oleh kerajaan selama ini, masalah gelandangan belum dapat diatasi sepenuhnya.

Umum mengetahui DBKL sangat mengambil berat masalah gelandangan. Ini diterjemahkan melalui pelbagai usaha dilakukan oleh DBKL dan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, membela nasib mereka.

Oleh itu apabila operasi DBKL yang turut disertai Datuk Bandar, Datuk Mahadi Che Ngah, menemukan 140 gelandangan bagi Adi ia begitu mengecewakan.

Ini kerana setelah pelbagai usaha dilakukan oleh DBKL memberi perlindungan dan bantuan, kelbat mereka masih ada. Atau adakah ini hanya gejala ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sekarang?

Apa pun sebabnya, Adi merasakan gelandangan seolah-olah terus menjadikan ibu kota sebagai destinasi 'merantau'.

Mungkin mereka menyedari di ibu negara nasib mereka terbela, apakah lagi dengan adanya Pusat Transit Gelandangan (PTG) di Jalan Pahang dan Pusat Khidmat Gelandangan (PKG) di Jalan Medan Tuanku.

Perlindungan dan kediaman serta makan minum yang disediakan bagi menggalakkan gelandangan mengambil kesempatan menumpang berteduh.

Adi sedar betapa komitednya Annuar membela nasib gelandangan agar mereka boleh



SEBAHAGIAN gelandangan ditempat di Maeps ketika Perintah Kawalan Pergerakan pertama dilaksanakan.

membuka lembaran hidup baru, tidak meminta-minta dan sepanjang masa berharap kepada bantuan orang lain.

Kerana itu mereka diberi pelbagai latihan agar selepas itu boleh berdikari, misalnya sebagai peniaga.

Malah mereka yang terjebak dengan dadah juga dihantar ke pusat-pusat pemuliharaan dan seterusnya diberi latihan kemahiran.

Harapan yang diletakkan di atas bahu gelandangan ialah mereka memperbaiki diri.

Bagi yang menjadi penagih

agar insaf serta kembali ke pangkuhan masyarakat menjadi insan berguna.

Oleh itu gelandangan jangan sia-siakan usaha yang dibuat untuk memaju serta melepaskan mereka daripada belenggu kemiskinan. Jangan asyik mengharapkan belas ihsan orang lain untuk meneruskan kehidupan, apakah lagi jika diri masih kuat dan bertenga.

Adi difahamkan, 140 gelandangan yang diselamatkan dalam operasi baru-baru ini juga akan diberi latihan. Mereka ditempatkan di Pusat

“ Oleh itu gelandangan jangan sia-siakan usaha yang dibuat untuk memaju serta melepaskan mereka daripada belenggu kemiskinan. Jangan asyik mengharapkan belas ihsan orang lain untuk meneruskan kehidupan, apakah lagi jika diri masih kuat dan bertenga.

Sementara Gelandangan (PSG) di Sentul Perdana dan Setiawangsa sehingga akhir Februari 2021.

Pada awal Mac mereka akan dibawa ke Pusat Transformasi Gelandangan (PTG) di Taman Desa.

Di situ mereka akan diberi latihan kemahiran agar boleh mendapat pekerjaan tetap untuk menyara kehidupan.

Dalam hubungan ini Adi syorkan kepada DBKL memantau dan meneliti rekod setiap gelandangan yang telah dibantu dan dilatih.

Ini cara mengesan sama ada mereka benar-benar

memanfaatkan segala pertolongan diberi atau hanya sekadar mahu terus mendapatkan perlindungan dan bantuan.

Langkah ini penting bagi memastikan perlindungan, bantuan dan latihan yang diberi tidak sia-sia atau dianggap sebagai main-main sahaja oleh gelandangan.

Bukan sedikit belanja dikeluarkan oleh kerajaan membantu mereka. Pastinya kerajaan mengharapkan hasil daripada usaha yang dibuat dan hasil itu untuk kebaikan gelandangan sendiri.

DBKL perlu memastikan gelandangan ini patuh kepada usaha memulihkan mereka.

Bagi Adi, mereka yang tidak komited memperbaiki diri tidak perlu lagi diberi belas ihsan kerana jelas mereka hanya mahu terus mendapat simpati. Mereka enggan berusaha untuk masa depan lebih cerah dan terjamin.

Pada Adi, gelandangan yang benar-benar mahu membina kehidupan baharu akan komited mengharungi segala bentuk latihan dan cabaran kerana tanpa usaha bersungguh-sungguh kejayaan sukar dicapai. Justeru mereka yang tidak mahu abaikan sahaja.

SKETSA



SAJAK

SI PEMUISI YANG TERIKAT SUNYI

Berulang kali sunyi terperangkap dalam hati yang dirundung sendiri
Andaikan suatu ketika nanti
Detik tak lagi terdengar, detak tak lagi terasa
Lalu sunyi akan terus menyendiri membawa pergi hatinya

Dirinya telah terbiasa pergi berlari
Mencarinya cukup dengan mengumpulkan kembali duri
Dari telapak kaki menahan sakit tak terperi
Sebab langkahnya takkan berhenti hanya karena kesunyian

Berulang kali sunyi beterbangun dalam ingatan
Hatinya bertarung mencoba berlari sejauh perih membawa diri
Andaikan suatu ketika nanti
Bertemu dan sampaikan padanya bahwa puisi-puisi

Telah menjelma sebagai lirih yang mulai mencari
Sebab dirinya itu aku
Si pemuisi yang terikat sunyi itu

18 Mei 2020
De Eka Putraka
Bukittinggi – Sumatera Barat



Dapatkan e-Paper percuma **Wilayah Ku**
Whatsapp ke nombor 011-5958 7489



Pada Wilayah ditumpahkan bakti



AMIN FARIJ HASAN

BULAN Februari adalah bulan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Berbanding tahun-tahun yang lepas, pelbagai acara dan aktiviti bersama masyarakat seperti larian, kenduri rakyat, sukan rakyat dan sebagainya telah dianjurkan.

Walau bagaimanapun, tahun ini sambutannya berbeza akibat

pandemik. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) tetap menjalankan beberapa program bagi memeriahkan sambutannya. Antaranya program MYBeras dan Bakul Makanan Rakyat.

Bertepatan dengan tema sambutan Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin, program ini telah diilhamkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa di atas dasar keperihatinan dan menjaga kebijakan warga Wilayah Persekutuan yang terkesan akibat pandemik COVID-19

yang melibatkan beberapa agensi antaranya Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj), Perbadanan Labuan dan MAIWP.

Untuk pengagihan sepanjang Februari 2021, sebanyak 23,000 kampit beras telah disediakan untuk diagih setiap minggu kepada 23,000 penerima dalam kategori miskin bandar, golongan berpendapatan rendah dan B40.

Inilah Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin. **W** **K**



KETUA Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Zaizalnizam Zainun (kanan) turut bersama menyusun beras di tempat pengumpulan.



MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa menyampaikan sumbangan beras dan bakul makanan kepada golongan sasaran.

AFIFAH AFIZAL

FILEM One Two Jaga arahan Nam Ron yang ditayangkan pada 6 September 2018 ini ternyata masih relevan untuk ditonton pada tahun 2021.

Naskhah ini mula mendapat reaksi yang positif daripada pembeli dan pembaca kerana jalan ceritanya yang dianggap ‘berani’ di negara ini.

Filem yang kini boleh ditonton di Netflix ini telah berjaya merangkul enam anugerah di Filem Terbaik Festival Filem Malaysia 30 (FFM30) pada tahun 2019.

Antaranya adalah Filem Terbaik, Pengarah Terbaik (Nam Ron), Pelakon Lelaki Terbaik (Rosdeen Suboh), Lakon Layar Terbaik, Cerita Asal Terbaik dan Poster Terbaik (Jazzy Pictures).

Karya terbitan Pixel Play Entertainment ini berjaya membuktikan kehebatannya yang mampu memberikan kepuasan kepada sesiapa sahaja yang menontonnya.

BRONT PALARAE



“Doakan agar

Novel adaptasi filem One Two Jaga masih berbisa

Selain itu, mungkin ramai tidak mengetahui bahawa filem ini telah diterbitkan dalam versi novel oleh FIXI.

One Two Jaga versi novel oleh penulis Sahidzan Salleh ini sebenarnya mengandungi lebih banyak butiran yang tiada di dalam filem.

“Kami percaya cerita ini boleh memberi pengalaman yang berbeza melalui dua medium yang berlainan.

“Reaksi yang kami terima juga sangat positif dan saya berharap lebih ramai lagi yang dapat membacanya,” kata Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan pengasas bersama Pixel Play Entertainment, Bront Palarae.

Pixel Play juga dalam proses menyiapkan filem ‘The Lies I Tell’ yang kini berada dalam proses pasca produksi.

Selain itu, Pixel Play turut dalam proses pembiayaan projek ‘Dawn Raid’ yang akan diteruskan dengan permohonan Dana Kenegaraan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas).

“Doakan agar



SALAH satu adegan dalam filem One Two Jaga. - Pixel Play Entertainment

permohonan kami disokong oleh panel penilai di Finas.

“Pada masa yang sama, kami juga dalam proses membangunkan beberapa projek bersama beberapa sutradara muda tempatan yang lain,” ujarnya kepada Wilayahku.

Pixel Play turut meluahkan kebimbangan terhadap faktor keselamatan, kesihatan dan ekonomi yang membimbangkan buat 20,000 orang yang terlibat dalam ekosistem industri kreatif di Malaysia.

“Dari pawagam, stesen televisyen hingga ke pelakon dan kru produksi, seluruh ekosistem terkesan dengan wabak pandemik COVID-19 ini.

“Sama seperti sektor-sektor lain, kami berharap agar industri kita dapat menyambung semula aktiviti,” menurutnya lagi.



PELAKON hebat dari seberang, Ario Bayu sebagai Sugiman dan Asmara Abigail sebagai Sumiati. - Pixel Play Entertainment

ke laman web FIXI di <https://fixi.com.my/produk/onetwojagamovietiein> untuk mendapatkannya. WK



ZAHIRIL Adzim sebagai Hussein.

5 kuih tradisional istimewa Tahun Baru Cina

TAHUN Baru Cina sudah semakin hampir meskipun perayaan pada tahun ini disambut secara sederhana sahaja kerana pandemik COVID-19 di negara ini.

Seperti perayaan yang lain, kaum Cina juga mempunyai kuih tradisi masyarakat mereka sendiri yang dihidangkan pada Tahun Baru Cina.

Ikuti resepi istimewa ini buat mereka yang ingin mencuba melakukan kuih yang halal dan sangat mudah untuk perayaan ini.

Kerepek Ngaku

BAHAN-BAHAN

*1 bekas

1 kg buah ngaku (dengan batang)
Minyak untuk menggoreng
15-20 helai daun kari
Garam laut (secukup rasa)

CARA PENYEDIAAN

- 1) Kupas kulit setiap buah ngaku tetapi tinggalkan batang.
- 2) Pegang tangkai buah ngaku dan hiris berhati-hati menggunakan penghiris atau mandolin menjadi bentuk bulat dan nipis. Jika menggunakan penghiris elektronik, tidak perlu tinggalkan tangkai.
- 3) Lap kering hiris buah ngaku dengan tisu dapur dan aturkan di atas pinggan. Biar kering selama 3 jam.
- 4) Panaskan minyak dalam kuali untuk menggoreng.



- 5) Uji suhu dengan mencelupkan penyepit buluh dalam minyak. Jika buih kecil timbul di sekeliling penyepit, maknanya minyak sudah cukup panas.
- 6) Goreng hiris buah ngaku dalam kumpulan kecil satu persatu dan goreng bersama 5 helai daun kari.
- 7) Keluarkan kerepek bila sudah bertukar warna perang keemasan, tetapi tinggalkan daun kari di dalam minyak.
- 8) Keringkan kerepek ngaku di atas tisu dapur atau kertas tempura.
- 9) Tambah garam secukup rasa. Bila kerepek ngaku sudah sejuk, simpan di dalam bekas kedap udara.



Nian Gao

BAHAN-BAHAN

*Hidangan untuk 4-6 orang

400 g tepung beras pulut
1/2 cawan kurma Cina, dilembutkan dalam air sekurang-kurangnya selama 30 minit, dibuang biji (boleh diganti dengan 1/2 cawan buah kering lain atau 1/4 kurma dan 1/4 cawan kekacang)
1 sudu besar biji bijan putih
1 sudu besar susu
1/2 cawan gula perang
1 sudu besar minyak sayuran atau penyembur memasak tidak melekat (*nonstick cooking spray*)
200 ml air mendidih

CARA PENYEDIAAN

- 1) Campurkan 200 ml air mendidih dan 1/2 cawan gula perang dalam mangkuk. Kacau sehingga gula larut. Ketepikan sehingga campuran menjadi sejuk.
- 2) Cincang 1/2 cawan kurma Cina dan ketepikan.

- 3) Isikan mangkuk besar dengan 400 g tepung beras pulut. Buat bulatan pergi di tengah, masukkan campuran gula dan air.
- 4) Masukkan 1 sudu besar susu dan mula uli doh.
- 5) Tambah 1 sudu besar air dari masa ke masa sehingga doh menjadi lembut dengan tekstur satin.
- 6) Campurkan 3/4 daripada 1/2 cawan kurma Cina sambil anda menambah air dan menguli doh.
- 7) Griskan loyang kuih petak saiz 7 inci dengan 1 sudu besar minyak sayuran atau penyembur memasak tidak melekat.
- 8) Letak doh dalam loyang kuih dan sebarkan sampai penuh semua ruang. Hiaskan dengan baki kurma dengan menekan kurma perlahan-lahan ke dalam doh.
- 9) Taburkan 1 sudu besar biji bijan di atas.
- 10) Guna pisau untuk lekangkan bahagian tepi loyang, kemudian keluarkan kuih. Balut dengan kertas lilin dan dinginkan semalam.



Tat Nanas

BAHAN-BAHAN

*Menghasilkan 40 hingga 50 biji tat

420 g jem nanas
200 g tepung kek atau tepung top
130 g mentega tanpa garam (disejuk dalam peti sejuk dan dipotong dadu)
40 g gula aising
20 g tepung jagung
10 - 15 ml air sejuk
1 kuning telur besar
1 kuning telur
1 sudu besar air
1/4 sudu kecil garam
Secubit serbuk buah pala

CARA PENYEDIAAN PASTRI

- 1) Letakkan mentega tanpa garam, tepung, tepung jagung, garam, serbuk buah pala, kuning telur besar dan gula aising ke dalam pemproses makanan. Proses sehingga campuran menjadi seperti serpihan lembap



Kuih Bahulu

BAHAN-BAHAN

*Hidangan 30 -35 biji

200 g tepung gandum
200 g gula kastor

BAHAN-BAHAN

*Menghasilkan lebih 2-3 biji kuih bulan saiz penuh

400 g pes teratai
125 ml sirap emas
260 g tepung gandum
1 biji kuning telur
1 sudu besar susu
40 ml minyak sayuran
4 ml air alkali

CARA MEMBUAT KULIT KUIH BULAN

- 1) Dalam mangkuk, campurkan sirap emas, 40 ml minyak sayuran, 4 ml air alkali dan 160 g tepung, kemudian bancuh perlahan-lahan menggunakan spatula sehingga digaul sebatik.
- 2) Tutup mangkuk dan ketepikan selama 30 minit.

CARA MEMBUAT PELICAU TELUR

- 1) Pukul satu biji kuning telur dengan 1 sudu besar susu di dalam mangkuk dan ketepikan.
- 2) Panaskan ketuhar pada suhu 160°C.

CARA MEMBENTUK KUIH BULAN

- 1) Tepungkan tangan dengan baki tepung dan bentukkan 30 g doh kuih bulan. Gulung

dan berpasir.

- 2) Tambah air sejuk ketika menggunakan pemproses makanan. Hentikan pemproses makanan apabila campuran menjadi gumpalan doh.
- 3) Keluarkan doh daripada pemproses makanan dan pindahkan ke papan pemotong bertepung.
- 4) Uli dengan perlahan sehingga doh menjadi bebola. Bahagikan kepada 4 bahagian.
- 5) Balut setiap bahagian dengan plastik pembalut makanan, biarkan berehat selama 30 minit minimum.

CARA MEMBENTUK TAT

- 1) Panaskan ketuhar sehingga 180°C. Uli setiap bahagian doh menjadi lapisan dengan ketebalan 2 cm. Potong bulatan kecil menggunakan acuan biskut tat.
- 2) Sapukan setiap pastri dengan campuran kuning telur (kuning telur bersama air) dan bakar selama 10 minit.
- 3) Jika anda tidak mempunyai acuan biskut untuk membuat corak, anda boleh menggunakan garpu untuk membentuk hujung bulatan pastri. Dalam masa yang sama, buatkan bebola kecil daripada jem nanas.

MELETAKKAN JEM KE ATAS TAT

Keluarkan pastri daripada ketuhar, kemudian letakkan bebola jem di atas setiap pastri dan bakar selama 7 minit lagi, sehingga perang keemasan. Sejukkan sebelum disimpan.

6 biji telur
2 sudu kecil serbuk penaik
1-2 sudu besar minyak kelapa (untuk sapuan)

CARA PENYEDIAAN

- 1) Panaskan ketuhar pada 170°C. Sapukan acuan kuih bahulu dengan minyak kelapa. Sebagai alternatif, anda boleh menggunakan dulang madeleine atau dulang mufin yang dilapisi kertas cawan.
- 2) Menggunakan mesin adunan, pukul telur dan gula sehingga gebu dan isipadunya berganda. Ayak tepung dan serbuk penaik, dan masukkan perlahan-lahan.
- 3) Mentega dimasukkan ke dalam acuan atau dulang dan bakar selama 12 ke 15 minit, sehingga masuk sepenuhnya dan kenyal, dengan dilapisi kerak.



Kuih Bulan Bakar

menjadi bebola dan ketepikan.

- 2) Gulung 45 g pes lotus menjadi bebola dan balutkan dengan doh kuih bulan.
- 3) Gulung bebola dan kemudian masukkan ke dalam acuan kuih bulan kecil. Tekan setiap bahagian penjuru supaya doh memenuhi acuan dan menghasilkan corak pada kulit.
- 4) Ketuk perlahan-lahan pada permukaan rata supaya kuih bulan timbul. Ulang langkah.

BAKAR KUIH BULAN

- 1) Pindahkan kuih bulan ke dalam dulang pembakar yang dialas dengan kertas pembakar dan beruskan sedikit dengan pelicau telur.
- 2) Bakar pada suhu 160°C selama 30-45 minit.
- 3) Biarkan kuih bulan sejuk selepas dibakar.

Kredit : *Asian Food Network*

Komunikasi baik, buang ego

Rahsia bahagia Sam dan Syatilla



DEEL ANJER

SUAMI isteri mana mahu rumah tangga mereka bergolak atau musnah di tengah jalan. Tiada pasangan yang berkahwin mahu bercerai.

Memandangkan kes masalah rumah tangga semakin menjadjadi, tidak salah sekiranya kita mengambil contoh atau tip perkahwinan bahagia daripada orang lain.

Antara pasangan bahagia yang sentiasa menjadi bualan masyarakat adalah pelakon Shaheizy Sam, 38, dan Syatilla Melvin, 30.

Sempena ulang tahun perkahwinan yang kelima pada 8 Februari baru-baru ini, Sam dan Syatilla berkongsi rahsia kebahagiaan rumah tangga mereka.

"Kita sering mendengar ungkapan, lima tahun pertama perkahwinan adalah fasa paling menduga suami isteri. "Alhamdulillah.. saya rasa bersyukur hubungan kami tidaklah seperti yang diperkatakan. Semuanya baik-baik sahaja."

"Apa yang paling penting dan sentiasa kami amalkan adalah komunikasi yang baik antara suami isteri. Bila ada komunikasi, tidak akan timbul salah faham atau perkara-perkara yang tidak sepatutnya,"

luah Syatilla tentang amalannya dalam menjaga hubungannya dengan suaminya, Sam.

Bagi Sam, seorang suami pula harus buang sifat ego agar keharmonian rumah tangga lebih terjaga.

"Dulu ketika bujang, saya seorang lelaki yang ego dan mementingkan diri sendiri. Saya ada perangai itu. Bila dah kenal dengan Tilla (panggilan untuk Syatilla), saya lihat dia banyak bersabar terutamanya dengan kerehan saya.

"Apabila sudah berkahwin dan sampai satu tahap dalam hati saya berkata, perempuan ni memang seorang yang sangat penyabar dan sanggup tunggu saya dulu sehingga kala kami bergelar suami isteri.

"Apa yang membuatkan diri



saya lebih terkesan apabila melihat saat-saat dia hamil. Saya nampak dia sangat *struggle* terutamanya ketika dua kali melahirkan anak kami.

"Pengorbanan Tilla bukan sahaja melayan kerehan saya, tetapi juga sudah dua kali 'potong perut' atau 'czer' (menjalani pembedahan semasa melahirkan anak).

"Semua ini membuatkan secara perlahan-lahan saya sedar perkahwinan ini banyak mengubah saya untuk jadi insan yang lebih baik," jelas Sam yang tidak boleh melupakan pengorbanan isterinya.

Selain mengamalkan komunikasi yang baik dan menghargai pengorbanan pasangan, Syatilla juga berkongsi caranya yang membuatkan hari-hari suami jatuh cinta.

"Saya selalu buat hubungan kami seperti mula-mula bercinta dulu. Jadi, saya setiap masa belajar bagaimana mahu lebih mencintai pasangan.

"Apa yang saya buat adalah sentiasa 'gali' apa lagi perkara baharu yang boleh dilakukan untuk mencipta kelainan dalam rumah tangga.

"Lakukan apa sahaja yang dirasakan boleh menceriakan suami dan suasana tidak menjadi bosan.

"Selain itu, jangan sesekali rasa malu atau ego untuk cakap *I love you* kepada pasangan tanpa mengira masa. Selalulah ucapkannya.

"Perkataan itu sebenarnya antara 'bunga' yang mengindahkan lagi dalam rumah tangga," ujar Syatilla yang turut menegaskan hubungan intim juga memainkan peranan penting dalam kebahagiaan. Rumah tangga Sam dan Syatilla juga semakin berseri-seri dengan kehadiran dua cahaya Syeriv Samheizy, 4 dan Sarima Samheizy yang kini berusia dua tahun.

Tidak terkesan dengan PKP dalam keadaan ramai yang merungut hidup susah kerana terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Sam dan Syatilla bersyukur mereka dikurniakan rezeki yang murah.

"Alhamdulillah.. kami tidak terkesan dengan PKP kerana sudah rancang dari awal apa yang sepatutnya kami lakukan.

"Dulu saya hanya berlakon dan tidak pandai simpan duit. Jadi bila buat bisnes, ia banyak mengajar saya dan suami bagaimana mahu menyimpan duit.

"Malahan dalam tempoh PKP ini, kami banyak membantu meringankan beban orang ramai," ujar Syatilla.

Manakala Sam pula mengaku tindakan awalnya dalam mencebur bidang bisnes adalah langkah kanan.

"Kadang-kadang kita terlalu selesa dengan apa yang kita sudah ada. Saya sendiri tak mau rasa selesa jadi sejak itu saya mulakan bisnes. Itu punca rezeki saya selain berlakon.

"Memandangkan saya kosong dalam bisnes beberapa tahun dulu, saya buang ego dan belajar dari bawah tentang bisnes.

Sejurnya saya rasa bertuah kerana sudah mula langkah ini dari awal. Kalau nak cakap pasal rugi dan dugaan dalam bisnes itu perkara biasa. Apa-apa pun tidak boleh patah semangat," katanya lagi yang kini mengusahakan produk jamu Pengaseh yang bagus untuk hubungan suami isteri. **W.K**



Sertai ujian online nyanyian anda dan berpeluang untuk merakam 'single' dan menghasilkan klip video lagu anda sendiri.

Hantarkan video atau pautan nyanyian anda di YouTube, Smule, Instagram, Facebook atau lain-lain kepada kami.

- TIDAK TERIKAT DENGAN MANA-MANA LABEL RAKAMAN.
- DURASI VIDEO TIDAK LEBIH 5 MINIT.
Emailkan dengan tajuk
'BINTANG WILAYAHKU' kepada:
wilayahku2018@gmail.com

Sertakan sekali biodata ringkas anda seperti **NAMA, UMUR, ALAMAT** dan **NO. TELEFON** untuk dihubungi.



Komposer berbakat besar baru berusia 20 tahun

AFIFAH ZAINAL

LAGU tema pembukaan merupakan salah satu aspek yang penting dalam sebuah drama bersiri, ia membolehkan penonton untuk merasai emosi cerita itu terutamanya dalam genre 'thriller'.

Ini telah dibuktikan oleh komposer muda kelahiran kacukan negara India-Malaysia yang hanya berusia 20 tahun, Prithvi Kumaraguru, yang telah melakukan tema pembukaan untuk siri Asura Vettai di saluran Astro Vinmeen HD.

Aktiviti mengkompos lagu ini bermula sebagai satu hobi yang lama-kelamaan bertukar menjadi satu minat yang mendalam baginya.

"Muzik adalah seperti bercerita dan saya mempunyai banyak cerita untuk dikongsikan jadi mengapa tidak melalui muzik."

"Illenium ialah seorang penerbit muzik tarian elektronik (EDM) yang telah menginspirasikan saya untuk menghasilkan muzik."

"Dia mempunyai gaya berbeza yang sangat menarik dan dapat menzahirkan emosi yang menyentuh perasaan."

"Selain itu, Hans Zimmer dan

Ludwig Goransson merupakan komposer filem kesukaan saya.

"Kreativiti dan pemahaman mereka dalam meletakkan 'mood' dalam apa jua filem dan adegan tertentu sangat mengagumkan," katanya yang juga dikenali dengan nama pentasnya, PK.

Ibunya, Sherreen Murugas, penerbit Asura Vettai oleh Syarikat Creative Stew telah menyuruhnya melakukan draf muzik untuk dihantar ke syarikat itu.

"Penerbit Eksekutif, Abid Hussein dan Jaya Mahajan menginginkan muzik tema berdurasi satu minit untuk menetapkan 'mood' dan nada untuk siri tersebut."

"Selepas empat draf dan pengeraian semula, muzik saya telah diluluskan oleh syarikat itu dan juga saluran Astro," ujar pelajar tahun akhir dalam Sarjana Muda Penyiaran dan Kewartawanan di Universiti Limkokwing, Cyberjaya.

Perjalannya mungkin kelihatan seperti mudah tetapi PK turut berdepan dengan pelbagai cabaran sebagai komposer muda di negara ini

Dia berkata, cabaran utamanya adalah untuk mencapai jangkaan dan sasaran orang lain.

"Saya adalah seorang pendatang baru di industri ini, ramai lagi komposer yang lebih bagus dan berpengalaman berbanding saya."

"Jadi, saya perlu mencipta sesuatu yang lebih bagus supaya karya saya setanding dengan komposer terkenal lain," menurut PK.

turut memberikan kata-kata semangat buat mereka yang baru mula mengkompos lagu seperti dahulu.


"Jangan tunggu peluang untuk tiba, sebaliknya hasilkan peluang anda sendiri."

"Jika anda takut untuk gagal kerana masih baru bermula,

anda akan menyesalinya kerana failing without trying will only bring you regret."

"Teruskan bekerja keras dan pastikan untuk terus menghasilkan muzik sehingga mencapai sasaran yang anda inginkan," ujarnya penuh bersemangat kepada *Wilayahku*.

WK



POSTER *Asura Vettai*, sebuah drama bersiri misteri di Astro Vinmeen HD



TEMPAT kerja mengkompos lagu

W K niaga

Iklankan perniagaan anda serendah RM10 sahaja untuk edisi e-paper
Tentara & syarat:
Iklan mestilah tidak melebihi 20 patah perkataan
Untuk maklumat lanjut hubungi 011-1069 2962

POPIA NESTUM ANJER

Snek yang sedap, rangup dan digilai ramai. Sekali makan tak boleh stop. Beli sekarang! Call/WhatsApp : 011-26813002 (Anjer)

MEMBEKAL PEMADAM API / FIRE EXTINGUISHER

Membekal dan menjual pemadam api / Fire Extinguisher untuk rumah, kedai, grabcar, teksi, van, lori dan sebagainya. Call / whatsapp : 011 5696 4196 (Suhaimin)

NASI KERABU TUMIS ORI KELANTAN HOMEMADE

Mencari NASI KERABU original masakan Kelantan yang sedap hingga menjilat jari. Hubungi kami untuk tempahan dan penghantaran : 0132037089

SRIJEDA PUTRAJAYA

WFH? Tiga huruf tanpa disedari merubah gaya hidup masa kini. Stress ? Jom ke Srijeda Spa Putrajaya. 0388880146

OHNAKACAKES

Available for any Custom Cake, Pastries, Cupcakes, Brownies & Pavlova. Birthday•Anniversary•Wedding• Engagement & for all occasion 012-7202372

JANARASAWARISAN BY MADYNNAH

Ex Chef, 5 STAR HOTEL menyajikan BREAKFAST, LUNCH & DINNER berkualiti hotel, harga pasar malam. Hubungi 012-3677391 (Putrajaya). Hubungi : 01128454900

INAI REPUBLIC NO 1 MALAYSIA

Inai moden yang dihasilkan daripada daun asli, bebas bahan kimia, bahan premium untuk merawat dan mencantikkan. Mudah & hasil memukau. Hubungi: Azirah 0172437697.

ASK SKINCARE

Produk baru dipasarkan untuk merawat kulit muka yang mempunyai masalah parut jerawat, ingin awet muda, hilangkan bintik hitam dan menghalang dari sinaran UV. Hubungi 0169393310

AWEEN WINNER ENTERPRISE

Menyediakan perkhidmatan solekan sesuai dengan wanita moden masa kini oleh MUA Bella Amor buat warga Putrajaya, Selangor dan Kuala Lumpur. Hubungi : 01128454900

PJA'S APPLE CAKES

Membuat kek dan manisan berdasarkan buah epal hijau, kek nenas, brownies, blondies, cheesecake, quiche cendawan dan salmon, serta roti dan sandwich Panini.

Sesuai untuk jamuan bersama keluarga/hadiyah kepada rakan.

Lawati IG: pjassapplecakes WhatsApp: 012-2940760

B.CAFE INTERNATIONAL PERMAISURI

Promosi Pembukaan Outlet baru di Bandar Seri Permaisuri (Sebelah Ambank) bermula 22/1 - 7/2 dengan potongan 20% untuk semua minuman, kek, roti dan pastri.

NASUHA PERFUME

Mesra solat, murah, tahan 8 jam. Ada lebih 90 wangian inspirasi antarabangsa pada harga serendah RM15 untuk 10ml. Cepat!!! Call/WhatsApp: 019-3644273 (Isyafiq)

Kalimah FOOD

Bosan duduk rumah ? Jom pakat order. Makan-makan. Pelbagai aneka. Instant food pon ade. Hubungi 017263 2713 Terima kasih dan Stay Safe semua

LA OOMBAH² FAMILY RESTAURANT

Menyajikan kelazatan pada setiap hidangan, khusus dalam menyediakan Pizza dan Pasta alla Neapolitan. Hubungi 03-83226262. (WhatsApp ONLY)

PEMASANGAN SISTEM SOLAR

Kegunaan premis komersial dan kediaman peribadi. Penjimatan bill elektrik. Ke arah penggunaan tenaga hijau untuk kemakmuran planet bumi. Sila hubungi Ariff 0162079040 dan nyatakan #bumihijau

JESSICA BRIDAL & CATERING

Menawarkan pakej pengantin lengkap dengan busana, pelamin, mekap, Katering yang terbaik di kajang. Sila hubungi wedding planner 0172764539 / instagram @jessica_bridal_kajang

OREO CHEESE CAKE: BY SOPHIA ISKANDAR

Nak rasa Oreo Cheese Cake musim PKP ni? Hubungi 011-63414118 (WhatsApp ONLY)

#EHAMASAK BY EHA ROZALI:

Menyajikan makanan dari rumah yang enak dan berkualiti terus ke perut anda. Nyum ! Ig : @ehamasak Ws : 013-2475602

SETIAUSAHA SYARIKAT DI PUTRAJAYA

Khidmat korporat seperti Setiausaha Syarikat, Perakaunan, Percuaian dan Audit. FAIZAL MEGAT & ASSOCIATES SDN BHD 012-3897546 info@faizalmegat-associate s.com

Mencari menu ala di pagi syawal.nasi impit,rendang ayam,rendang daging,kuah kacang dan pulut kuning.gerai saya ada menyediakan.

whatsapp 01123449825

Album Teguh Bersandar Redha adaptasi perjuangan frontliners dilancar

Sister Noy kongsi hasil YouTube



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

BERAT sama dipikul, ringan sama dijinjing' itulah ungkapan seorang petugas barisan hadapan yang dikenali 'Sister Noy' yang telah menyalurkan sumbangan hasil YouTube kepada Jabatan Kesihatan Negeri Labuan Wilayah Persekutuan Labuan (JKNWPL) bagi berkongsi rezeki dengan frontliners yang lain.

Pada tahun lalu, video bertajuk '102 hari tak berjumpa ibu, ini yang terjadi (frontliner)' berdurasi lapan minit yang mengisahkan detik-detik kisah petugas kesihatan yang kian lama tidak bertemu ibunya mendapat perhatian rakyat Malaysia di platform media sosial.

Detik dibenarkan pulang ke kampung halaman untuk bertemu insan tersayang itu tidak dilepaskan oleh Nur Ain dan menjadi kenangan yang tidak akan terpadam.

Setakat ini, video itu telah



Nur Ain menyerahkan sumbangan hasil YouTube kepada Timbalan Pengurusan JKNWPL Laurance Liew, baru-baru ini.

mendapat sejumlah 850,000 tontonan sehingga kini sejak disiarkan di YouTube pada 14 Julai tahun lalu menerusi akaun Sr Event Production.

Nur Ain Amar, 48, petugas ke-

sihan di Klinik Kesihatan Urban Transformasi Centre (UTC) berjaya, meskipun ramai pihak yang menyambut baik tentang perkongsian video itu namun beliau juga menerima beberapa kritikan

daripada segelintir individu yang menyatakan perbuatannya itu hanyalah pembaziran pakaian PPE.

Katanya, cadangan untuk menyumbangkan hasil video itu tercusus apabila Sr Production telah mencadangkan agar hasil video itu disumbangkan kepada JKNWPL.

"Memandangkan saya adalah seorang frontliner maka saya bersetuju dengan cadangan itu. Dalam masa yang sama, saya dapat berkongsi rezeki dengan petugas frontliner yang lain."

"Disaat bertengku lumus dalam memerangi pandemik COVID-19, kita tahu tugas sebagai frontliner itu tidak mudah dan kami juga berhadapan dengan pelbagai situasi mencabar."

"Cabaran itu bukan sahaja dari segi tugas, akan tetapi masa bersama dengan keluarga juga kami terpaksa kami korbankan demi mengkekang penularan wabak pandemik COVID-19," ujarnya ketika dihubungi *Wilayahku*, baru-baru ini.

Ujarnya, meskipun hasrat menyerahkan sumbangan itu agak kelewatan seperti yang dirancangkan namun ia bersyukur

kerana sumbangan itu telah berjaya disalurkan.

"Sumbangan itu adalah hasil daripada tontonan selama enam bulan. Alhamdulillah video itu mendapat sambutan yang diluar jangkaan."

Beliau berharap dengan sumbangan itu serba sedikit dapat memberi manfaat kepada frontliner yang lain khususnya petugas kesihatan di JKNWPL.

"Saya ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Sr Event Production dan semua individu yang telah menonton dan berkongsi video tersebut."

Tambahnya, kini beliau dengan kerjasama pihak Sr Event Production telah melancarkan album yang bertajuk Teguh Bersandar Redha yang diadaptasikan kisah benar yang mengisahkan perjuangan frontliners dalam mengekang penularan pandemik COVID-19.

"Dalam pada itu, saya juga berharap masyarakat untuk menyokong album kami yang terbaru untuk dikongsikan rezeki kepada orang lain yang memerlukan," ujarnya. WK

APMM Labuan tahan kapal berlabuh tanpa kebenaran

AGENSI Penguasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Labuan telah menahan sebuah kapal utiliti yang berdaftar di Malaysia kerana berlabuh tanpa kebenaran di posisi 0.5 batu nautika tenggara Manjarasa.

Pengarah Zon Maritim Labuan Kapten Maritim Nudin Jusoh berkata, kapal utiliti itu dikendalikan 15 kru termasuk nakhoda telah ditahan pada lebih kurang pukul 9.50 pagi dalam Op Khas Bersama.

"Semasa pemeriksaan ke atas kapal terbabit, nakhoda gagal mengemukakan sebarang bukti kebenaran bersauh daripada Pengarah Jabatan Laut Malaysia menyebabkan kapal itu ditahan manakala nakhoda berserta dokumen kapal dibawa ke Pejabat Zon Maritim Labuan untuk siasatan lanjut.

"Kes akan disiasat di bawah Seksyen 419 B, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 iaitu bersauh tanpa kebenaran daripada Pengarah Jabatan Laut Malaysia, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya kepada pemberita, baru-baru ini.

Jelas Nudin, bersauh tanpa kebenaran serta bersauh di luar kawasan yang dibenarkan mer-



PEGAWAI APMM sedang menyiasat kru kapal berkenaan.

upakan antara kesalahan yang sering dilakukan oleh kapal-kapal komersial.

Justeru itu, Maritim Malaysia mengingatkan kepada semua syarikat perkapalan tempatan dan antarabangsa,

terutamanya ejen-ejen yang menguruskan kapal agar sentiasa mematuhi undang-undang seperti yang telah diwartakan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952," katanya.

Tambah beliau, Op Khas

Bersama yang menyasarkan kapal-kapal komersial, terutamanya kapal dagang dan kapal utiliti itu merupakan kerjasama antara Zon Maritim Labuan dengan Jabatan Laut Wilayah Persekutuan

Labuan bagi memastikan tia-

da salah laku atau perlanggaran Undang-Undang Persekutuan Malaysia terutamanya melibatkan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 di perairan Labuan.

Beliau berkata pemeriksaan, penguasaan serta tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang cuba untuk melakukan sebarang salah laku yang melanggar undang-undang.

"Operasi-operasi khas dengan penglibatan serta kerjasama agensi-agensi lain seperti ini akan dilaksanakan dari semasa ke semasa dalam memastikan keamanan dan keselamatan perairan negara," katanya. WK

PPZ-MAIWP santuni keluarga asnaf

PUSAT Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) Labuan menyantuni 200 buah keluarga asnaf yang terjejas pendapatan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)2.0 menerusi Program Bakul Rezeki Khaira.

Penyerahan bantuan itu disebarluaskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menerusi Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) serta berkerjasama dengan Persatuan Kebajikan Amal Sabah Cawangan Labuan (PERKAAS), pada Sabtu lalu.

Menurut beliau, bantuan itu merupakan amanah pembayar zakat korporat pihaknya iaitu Etiqa Family Takaful dalam usaha membantu golongan asnaf yang terjejas di Wilayah Persekutuan khususnya di Labuan.

"Walaupun terdapat kekangan akibat pelaksanaan PKP, PPZ-MAIWP terus menjalankan misi dan bantuan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP)," katanya. WK



AHMAD Adha (tengah) menyerahkan Bakul Rezeki Khaira kepada penerima di JKM menerusi PKOB, pada Sabtu lalu.

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

MPPWP Cheras raikan khidmat dan jasa petugas barisan hadapan

SYAHIDI BAKAR

MENYEDARI penat lelah dilalui petugas barisan hadapan saban hari berkhidmat tanpa jemu, telah meraih simpati masyarakat yang prihatin dengan jasa dan bakti ditabur mereka demi negara.

Atas iltizam sama, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Cheras telah tampil salurkan sumbangan barang keperluan harian kepada 260 orang petugas barisan hadapan terdiri daripada anggota Polis Diraja Malaysia dan kakitangan kesihatan.

Menurut Pengurus MPPWP, Datuk Mahadi Abdul Syukur, inisiatif memberi sumbangan kepada 100 anggota di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras itu diambil untuk menghargai jasa mereka yang bertugas menjaga

keselamatan.

Beliau berkata, dengan sedikit sumbangan Food Basket yang diagih, diharap mampu memberikan kelegaan bagi semua anggota yang menjalankan tugas dengan dedikasi demi kebaikan rakyat.

"Selain itu, kami (MPPWP) Zon Cheras mahukan supaya setiap anggota polis tahu bahawa masih ada pihak prihatin serta menghargai jasa mereka sanggup pertaruh diri demi keselamatan awam terutama ketika penularan pandemik COVID-19.

"Begini juga dengan kakitangan kesihatan yang telah bertungkus lumus membantu dan merawat pesakit tanpa mengira waktu. Pengorbanan dan jasa sebegini bukan semua orang mampu untuk lakukannya, takkal orang lain berehat atau tidur mereka pula masih

bersengkang mata," katanya kepada *Wilayahku* di sini, baru-baru ini.

Mahadi mengulas mengenai inisiatif sumbangan Food Basket oleh MPPWP Zon Cheras kepada IPD Cheras (100 bakul) selain 120 kotak topeng pelitup muka, pada sebelah pagi.

Manakala di sebelah petang pula, sebanyak 160 Food Basket dan 160 kotak topeng pelitup muka lagi diserahkan kepada petugas Klinik Kesihatan dan Pergigian, Cheras Baru.

Secara keseluruhan katanya, sejumlah RM15,000 diperuntuk bagi menjayakan inisiatif sumbangan itu kepada petugas barisan hadapan yang telah banyak menabur jasa demi rakyat dan negara.

"Jika dibanding khidmat bakti mereka selama ini apa sangat sumbangan kecil ini, namun



MAHADI (empat dari kiri) menyerahkan 100 Food Basket kepada IPD Cheras diwakili Ketua Polis Daerah Asisten Komisioner Mohamed Mokhsein Mohamed Zon di Ibu Pejabat Polis itu, baru-baru ini.

nilai bukan ukuran sebaliknya demi menghargai jasa mereka ikhlas berbakti. Sebagai wakil pimpinan masyarakat, kita perlu

sentiasa menyokong dan memberi rangsangan untuk barisan petugas ini terus menggalas amanat dengan jaya," katanya. **WK**

Bantu komuniti memerlukan ketika waktu sukar begini - Noorisma

SERAMAI 100 orang asnaf dan penduduk B40 di kawasan penempatan sekitar Bandar Tun Razak, menerima barang keperluan hasil keprihatinan Firdaus & Associate Real Estate Agency Sdn Bhd yang tampil membantu warga serba kekurangan.

Ketua Unit Seksyen Jualannya, **Noorisma Roslan** berkata, inisiatif sumbangan dilaksana bertujuan membantu rakyat yang memerlukan khususnya mereka yang berdepan tempoh sukar disebabkan penularan pandemik COVID-19 ketika ini.

Katanya, menyedari ramai kalangan rakyat dalam kategori B40 tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) ketika ini amat terkesan, telah mendorong pasukannya tampil untuk berkongsi rezeki hasil pendapatan diraih dalam perniagaan berasaskan pemilikan aset dan hartanah.

"Untuk hari ini, kami dan disertai NGO, Penggerak Komuniti Negara di Parlimen Bandar Tun Razak (PKN-BTR) telah menjayakan Sumbangan Barang Makanan Sempena PKP@ Covid-19, berfokuskan golongan asnaf dan penduduk kategori B40 yang berdepan kekangan kewangan.



NOORISMA (tengah) menyerahkan sumbangan barang keperluan kepada salah seorang penerima bantuan di Flat Sri Kota, Bandar Tun Razak.

"Justeru melalui bantuan barang makanan harian seperti beras, gula, garam, tepung, minyak masak selain telur, bihun, mee segera dan topeng pelitup muka dengan peruntukan RM10,000 itu diharap meringankan beban belanja isi rumah buat seketika.

"Berdasarkan perancangan, Insya-Allah sebanyak RM30,000 akan dibelanjakan untuk program dan aktiviti kebajikan yang dilaksana berkala di lokasi berbeza," katanya yang ditemui *Wilayahku* di Flat Sri Johor, Bandar Tun Razak, di sini baru-baru ini.

Program yang turut

disertai Pengurus PKN-BTR, Farouk Mohd Noor berkunjung ke lima flat PPR iaitu Flat Sri Kota, Flat Sri Sabah, Sri Pulau Pinang, Sri Melaka dan Flat Sri Johor bagi menyerahkan 20 pek sumbangan bagi setiap perumahan.

Mengulas lanjut, selain menzahirkan terima kasih Farouk turut mengalu-alukan semua pihak sama ada korporat maupun individu yang berkemampuan untuk tampil ke depan dan menggembungkan usaha membantu memudahkan kehidupan rakyat B40 yang berdepan kesukaran pada masa ini. **WK**

Disinfeksi pelbagai lokasi termasuk PPD, usaha awal mencegah COVID-19

LANGKAH diambil Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Keramat, melakukan disinfeksi bertujuan mencegah risiko penularan kes COVID-19, seiring keperluan bermulanya sesi persekolahan tahun ini yang berteraskan norma baharu.

Bagi Ketua Unit Jabatan Sekolah Rendah, PPD Keramat, Kamarulzaman Abdullah, usaha diambil bagi pastikan persekitaran setempat itu kondusif serta bebas risiko jangkitan COVID-19, yang makin membimbangkan dengan kes meningkat ketara.

"Proses disinfeksi amat perlu untuk pencegahan awal penularan pandemik seterusnya wujudkan suasana kerja yang selesa dan terjamin selamat, secara langsung dapat mendorong penghasilan kerja berkualiti selain memastikan pegawai serta kakitangan bekerja dengan dedikasi," katanya.

Sementara itu, menurut Setiausaha MPPWP Zon Setiawangsa, **Amirudin Sahudi**, pihaknya sebagai pelaksana tugas disinfeksi itu bersama Pemuda Setiawangsa bersedia bila-bila masa sekiranya diperlukan.

"Kami sedar sesi persekolahan ketika ini



PROSES menyah kuman atau disinfeksi di PPD Keramat dilakukan bersama oleh MPPWP Zon Setiawangsa, Pemuda Umno Bahagian dan Setiawangsa Care.

sedang tempuh saat paling sukar apabila pembelajaran tidak dapat berlangsung seperti biasa. Jadi, agak penting untuk mengelak sebarang potensi risiko yang boleh menjelaskan lagi keadaaan," katanya.

Sementara itu, sejumlah 5,725 kes baru COVID-19 direkodkan negara pada 29 Januari iaitu tertinggi setakat ini. Peningkatan kes berlaku di pelbagai kawasan dan tidak terkecuali di Setiawangsa.

Berdasarkan statistik, sepanjang tempoh 14 hari, Setiawangsa mencatatkan 554 kes keseluruhan setakat ini, dengan bilangan tertinggi dicatatkan pada 29 Januari, iaitu 137 kes positif COVID-19.

Justeru, dengan peningkatan ketara kes, maka Program Disinfeksi & Sanitasi terus dipergiatkan untuk mencegah wabak daripada terus menular. **WK**

Beri peluang atlet hadapi SUKMA 2022

AINI MAWAWI

KELULUSAN kerajaan dalam memberi kelonggaran terhadap aktiviti sukan dan reaksi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (PKP 2.0) amat diharapkan kerana ia bakal memberi impak positif kepada atlet Wilayah Persekutuan,” ujar Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Dr. Hasnul Faizal Hushin Amri.

Tambah beliau, kelonggaran tersebut dapat memberi peluang kepada program latihan atlet berprestasi tinggi untuk menjalani latihan.

“Hal ini penting kerana ia akan membantu pelaksanaan program persediaan atlet Wilayah Persekutuan menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) 2022,” ujar beliau.

Dalam pada itu, MSWP turut menyokong penuh pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) serta amalan norma baharu bagi memutuskan rangkaian wabak COVID-19.

Terdahulu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi menterinya, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican membentangkan permohonan kelonggaran bagi sektor sukan dan rekreasi kepada Majlis

DR. HASNUL



LATIHAN penting untuk mengekalkan momentum atlet.

Keselamatan Negara (MKN).

“MSWP menyokong penuh usaha murni KBS tersebut dan amat berharap dapat diteliti sebaik mungkin oleh Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob,” ujar beliau.

Sebagai rekod, PKP 2.0 dilaksanakan mu-

lai 13 Januari 2021 adalah usaha berterusan sejak awal 2020 untuk memutuskan rantai penularan wabak COVID-19.

Sepanjang tempoh ia dilaksanakan, atlet Wilayah Persekutuan menjalani latihan di rumah dengan pemantauan jurulatih secara dalam talian. WK

“Kami mahu kembali beraksi” - atlet Wilayah Persekutuan

KELONGGARAN bagi sektor sukan dan rekreasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (PKP 2.0) amat diharapkan oleh atlet Wilayah Persekutuan.

Sebahagian atlet yang ditemui Wilayahku mengharapkan pihak kerajaan memberi peluang kepada mereka untuk menjalani latihan yang maksimum namun dalam masa yang sama masih mematuhi prosedur operasi standard (SOP).



MUHD ERYY HIDAYAT

Menurut atlet hoki Wilayah Persekutuan, Nursyaqirah Kassim, 22, dia perlu mendapatkan semula momentum kerana lebih sebulan tidak menjalani sebarang latihan di padang.

“Dalam tempoh PKP, memang jurulatih ada bekalkan modul secara dalam talian tetapi latihan amali itu juga penting untuk memastikan tahap persembahan ketika beraksi,” ujarnya.

Tambahnya lagi, persediaan untuk menghadapi Kejohanan Liga Wanita yang dijangka berlangsung bulan hadapan memerlukannya untuk konsisten dalam latihan.



Sementara itu, menurut atlet angkat berat, Muhd. Erry Hidayat, 22, kelonggaran terhadap sesi latihan wajar diberi untuk memastikan atlet mencapai tahap penanda aras yang diberi.

“Apa sahaja jenis sukan, tiada yang paling utama melainkan sesi latihan. Jika terlalu lama tidak melakukannya bimbang konsejentrasi hilang. Bukan mudah untuk mendapatkannya kembali.

“Mujurlah saya berpeluang menjalani latihan menggunakan pendekatan kuarantin (*quarantine based approach*) di Bukit Jalil, tetapi saya bersimpati dengan rakan-rakan lain yang tidak berpeluang membuat latihan,” ujar Erry.

Dalam masa yang sama, atlet bola jaring, Puteri Intan Balqis Ahmad Dzulkifli, 21, berkata latihan di rumah tidak cukup memandang-



PUTERI INTAN BALQIS

kan sukan bola jaring adalah sukan berkumpulan.

“Saya amat berharap pihak kerajaan memberi izin kelonggaran untuk sesi latihan. Bayangkan banyak kejohanan yang terpaksa ditunda ditambah tidak menjalani latihan, su-

dah tentu ia menjaskan prestasi.

“Sejujurnya kami ingin melakukan persiapan lebih awal secara rapi untuk sebarang kejohanan seandainya boleh menyertainya dalam masa terdekat,” katanya kepada Wilayahku. WK

REAKSI



“Terima kasih kepada Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, MKN dan KKM bagi mempertimbangkan kelonggaran aktiviti sukan dan rekreasi semasa PKP. “KWP menyambut baik dan menyokong permohonan KBS ini.

Harapannya kelonggaran ini akan memberi keleongan kepada pemain industri untuk terus menyumbang kepada ekonomi negara walaupun negara menghadapi situasi sukar memerangi pandemik COVID-19 ini.

“KWP memberikan komitmen sekiranya diluluskan, PBT di bawah KWP seperti DBKL, PPj dan PL akan sentiasa memastikan SOP yang ditetapkan oleh kerajaan dipatuhi.”

Tan Sri TPr. Annur Musa
Menteri Wilayah Persekutuan

“Saya turut berasa gusar dengan situasi semasa. Jurulatih dan atlet tidak dapat berlatih sepanjang tempoh PKP ini.



“Malah sebilangan jurulatih di Wilayah Persekutuan khususnya yang bernaung di bawah kelab juga terjejas dari segi pendapatannya susulan tiada latihan dapat dilaksanakan.”

Datuk Ramlan Shaheen @ Askolani
Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

“Saya berharap kerajaan akan meluluskan permohonan KBS tersebut agar taman-taman rekreasi di sekitar Wilayah Persekutuan dapat kembali dimeriahkan dengan aktiviti-aktiviti kecergasan oleh masyarakat dengan mematuhi SOP ditetapkan.

Datuk Seri Rosida Jaafar
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

Dapatkan e-Paper percuma **Wilayah Ku**
Whatsapp ke nombor 011-5958 7489



Tiga pekerja seks warga Thailand, penjaga premis diambil keterangan

DBKL tutup hotel jalankan aktiviti pelacuran

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menutup serta-merta sebuah hotel di Jalan Pudu Ulu, Kuala Lumpur kerana menjalankan aktiviti tidak bermoral dalam premis berkenaan.

DBKL dalam kenyataan memaklumkan, melalui operasi khas Jabatan Penguatkuasaan DBKL pada 8 Februari lalu, premis berkenaan didapati telah menyatakan lesen.

"Menerusi aduan awam yang diterima, DBKL membuat siasatan serta risikan awal dan mendapati berlakunya aktiviti tidak bermoral di dalam premis berkenaan. Walaupun hotel tersebut mempunyai lesen yang sah namun tindakan menjalankan aktiviti tidak bermoral adalah menyalahi undang-undang dan peraturan pelesenan," menurut kenyataan itu pada Selasa.

Sehubungan itu, DBKL mengeluarkan notis pemberitahuan tentang kesalahan di bawah Seksyen 29 Akta Hotel (WPKL)

2003 manakala tindakan penutupan serta-merta dilakukan di bawah Seksyen 18 Akta Hotel (WPKL) 2003 mengikut bidang kuasa dan prosedur operasi standard (SOP) DBKL.

"Hasil semakan di premis berkenaan, seramai tiga wanita warga Thailand yang disyaki pekerja seks, seorang pelanggan warga Bangladesh dan seorang warga tempatan sebagai penjaga premis tersebut telah diambil keterangan untuk proses dokumentasi selain turut menyita pelbagai peralatan di dalam premis seperti kondom dan minyak pelincir bagi tujuan aktiviti pelacuran," katanya sambil menambah operasi seumpama itu akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, sebuah pasar raya yang menjual daging, ikan dan sayur di Jalan Hang Lekiu diarah tutup selepas DBKL melalui Bahagian Kesihatan Persekutuan, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar mendapati premis itu dikendalikan secara tidak bersih.

Menurut kenyataan itu pihak-



SEBUAH hotel di Jalan Pudu diarah tutup selepas didapati menjadi port aktiviti tidak bermoral.

nya telah mengeluarkan Notis Perintah Penutupan di bawah Undang-Undang Kecil 28(1) Pelesenan Petempatan Makanan

WPKL 2016 berkuat kuasa Rabu.

"Hasil pemeriksaan mendapati premis berkenaan berada dalam keadaan kotor dengan lantai

dinding di keseluruhan kawasan penyediaan makanan berdaki hitam dan berminyak serta diselaputi lemak.

"Premis itu juga tidak mempunyai perangkap minyak bahkan semua air cucian atau air limbah termasuk sisa atau darah daripada aktiviti memotong dan menyiang dialirkan ke dalam longkang awam," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu memaklumkan, secara keseluruhannya, premis tersebut didapati gagal untuk mematuhi semua kehendak kesihatan yang ditetapkan sebagai premis yang menjalankan perniagaan menyedia dan memproses makanan.

"Peralatan yang digunakan dalam penyediaan makanan tidak dijaga bersih, tidak diselenggara dengan baik dan dalam keadaan kotor berdaki. Pekerja di premis perniagaan tersebut juga tiada suntikan tifoid selain terdapat lipas yang banyak di setiap bahagian premis termasuk pada perkakasan, peralatan dan kabinet," katanya. **WK**

SITI SARAH



Kalau ada masalah, duduk berbincang - Siti Sarah simpati

DEEL ANJER

BARU-BARU ini kecoh apabila tular video sekumpulan pekerja syarikat kurier atau perkidmatan penghantaran barang yang mogok.

Aksi mereka melempar *parcel* atau barang pelanggan menimbulkan kerisauan dalam kalangan masyarakat terutamanya peniaga-peniaga kecil yang mengusahakan bisnes demi kelangsungan hidup.

Penyanyi popular, Siti Sarah Raissuddin, 37, juga melahirkan rasa kecewa apabila tindakan mogok mereka se-

olah-olah tidak menghiraukan perasaan orang yang menjual atau membeli barang.

"Mana pergi sifat amanah dan tanggungjawab ketika menjalankan kerja. Saya yang lihat pun rasa sedih sangat apabila barang-barang dibeli hasil titik peluh dicampak dan dibaling."

"Kalau ada masalah sekali pun janganlah sampai merosakkan barang yang bukan kepunyaan dan hak kita. Pasti ada sebab kenapa mereka bertindak demikian," jelas Sarah yang turut bersimpati apabila mendapat tahu nasib para pekerja syarikat tersebut yang tidak dibayar komisen.

Bagi Sarah, mereka yang bekerja bergantung kepada komisen perlu diberi hak yang sepatutnya.

"Tak tahu apa cerita sebenarnya, tapi tak bagus juga untuk mereka yang bekerja kalau meli-

batkan komisen ni.

"Kalau ada masalah, duduk berbincang dulu antara majikan dengan pekerja, janganlah buat macam tu sebab barang-barang tu semua tak salah tau! Kasihan pembeli yang menanti penuh sabar nak dapat *parcel* dekat rumah."

"Saya harap pihak majikan segera ambil tahu isu ini dan sentiasa mengambil maklum masalah dan keluhan pekerja," katanya lagi yang berharap tiada produk jualannya diperlakukan sebegitu.

Dalam pada itu, setelah tular video yang memaparkan sekumpulan pekerja syarikat kurier melempar *parcel*, syarikat kurier berkenaan telah memuat naik satu rakaman video permohonan maaf daripada pekerja yang terlibat. **WK**